



## PRINSIP-PRINSIP ETIKA KECERDASAN BUATAN

### Tujuan

Dasar ini bertujuan untuk menjelaskan prinsip-prinsip etika yang mesti dipatuhi oleh semua pekerja Kelly Services, Inc atau anak syarikatnya ("Kelly") apabila menggunakan kecerdasan buatan (AI).

### Dasar

Kami yakin pada peri pentingnya menghubungkan manusia untuk bekerja dengan cara yang memperkaya kehidupan mereka. Hal ini termasuk menerapkan kemajuan teknologi dalam khidmat kami dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika. Kecerdasan buatan kini merombak cara bekerja bagi ramai orang. Kami bertekad untuk memastikan penggunaan AI menyokong komitmen memperkaya kehidupan bakat-bakat kami serta kehidupan dan kerjaya pekerja kami.

Pendekatan kami kepada AI didasarkan pada prinsip-prinsip etika teras yang menjadi pedoman bagi setiap aspek perjalanan AI kami – daripada pembangunan hingga pelaksanaan. Kami berpegang bahawa AI patut digunakan untuk mempertingkatkan dan memperluas kemampuan manusia. Matlamat kami adalah memanfaatkan AI dengan memperkasakan pekerja dan klien kami, agar khidmat kami lebih berkesan dan bernilai peribadi. Komitmen ini juga termasuk memastikan AI digunakan untuk menggalakkan kesaksamaan dan keragaman di tempat kerja, menangkis buruk sangka dan bukan mengekalkannya.

Intisari rangka kerja AI beretika kami adalah prinsip pertanggungjawaban. Kami sedar bahawa kemampuan AI diiringi dengan tanggungjawab untuk menggunakannya secara bijak dan beretika. Untuk itu, kami bertekad untuk menjaga ketelusan sistem AI kami, dengan penerangan jelas bagaimana dan bila kami gunakan AI. Ketelusan ini penting demi membina kepercayaan antara klien, pekerja, dan pihak berkepentingan kami. Kami berusaha gigih untuk terus memantau dan menilai sistem AI kami agar sejajar dengan taraf etika dan nilai-nilai kami, mengubahsuai amalan kami mengikut keperluan bagi menangani pelbagai cabaran dan peluang yang sedang muncul dalam landskap AI.

Prinsip-prinsip kami untuk AI beretika dibentangkan di bawah.

### Pendekatan Berpusatkan Manusia

Ketika memikirkan kemungkinan pembangunan dan pelaksanaan AI, kami mempertimbangkan berbagai-bagai faktor sosial, ekonomi, dan teknikal. Kami hanya akan meneruskannya jika yakin manfaatnya lebih besar daripada risiko dan kelemahan yang dapat diramalkan. Kami berusaha menjayakan kegunaan AI yang memperkuat proses niaga, menghapuskan rintangan kerja, serta mempertingkatkan nilai-nilai teras kami.

### Kawalan Manusia

Penggunaan, latihan dan penyeliaan sistem AI akan dikelola oleh manusia demi memastikan keterjaminan dan ketepatan teknologi itu. Manusia menjadi pembuat keputusan utama berkaitan dengan teknologi AI.

### Telus dan Dapat Dijelaskan

Ketelusan merupakan perkara yang pokok dalam pendekatan kami. Kami akan menyampaikan dengan jelas bagaimana sistem AI dilaksanakan dalam perkhidmatan dan produk kami. Hal ini termasuk penerangan yang dapat diakses tentang penggunaan AI dan impaknya terhadap interaksi pengguna. Kami akan mematuhi kehendak peraturan berkaitan hak untuk memilih keluar dan hak pembetulan.

## **Kesaksamaan dan Keterangkuman**

Kami mengiktiraf meskipun AI dapat membawa risiko, pelaksanaan yang bertanggungjawab berserta penyeliaan teliti oleh manusia, dapat menjadi alat yang ampuh bagi mengurangkan salah sangka dan prasangka dalam mendapatkan sumber, merekrut, menggaji dan proses niaga lainnya. Kami pastikan perspektif yang beragam dipertimbangkan dalam reka bentuk, pengujian, dan pelaksanaan alat AI. Kami akan terapkan kawalan dan penaksiran risiko bagi menguji, mengenal pasti, dan mengurangkan salah sangka dan diskriminasi dalam alat AI. Hal ini termasuk penilaian berterusan atas akses dan daya guna AI.

## **Privasi dan Keterjaminan**

Kami menerapkan prinsip privasi dan keterjaminan dalam pembangunan dan penggunaan teknologi AI. Kami memberikan notis yang memadai, menggalakkan seni bina berserta kewaspadaan, dan memberikan kawalan yang wajar atas penggunaan data, termasuk penyimpanan atau akses oleh sistem AI. Kami akan melatih pekerja kami tentang penggunaan AI yang bertanggungjawab.

## **Pertanggungjawaban dan Pengawasan Bertanggungjawab**

Kami mencipta pelbagai teknik dan proses demi memastikan pertanggungjawaban dalam penggunaan AI oleh kami. Baik di tahap syarikat mahupun pengguna individu masing-masing, kami bertanggungjawab atas penggunaan AI di seluruh operasi kami. Kami bertekad untuk menggunakan alat AI yang memberi sumbangan positif kepada masyarakat dan tenaga kerja kami, sambil mengurangkan kemudaran. Alat bantu AI tidak akan digunakan dengan cara yang menyebabkan kemudaran, misalnya pencerobohan hak asasi manusia.

## **Hubungi**

Jika ada pertanyaan tentang dasar ini, hubungi [ArtificialIntelligence@kellyservices.com](mailto:ArtificialIntelligence@kellyservices.com)